

09/10/2002

Malaysia tidak perketat syarat keluar visa

Kadir Dikoh; Jami'ah Shukri

PETALING JAYA, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Malaysia tidak akan mengetatkan syarat pengeluaran visa kepada mana-mana rakyat asing yang memasuki negara ini.

Perdana Menteri berkata, syarat pengeluaran visa yang ketat bukan saja tidak berkesan malah menyusahkan apatah lagi ketika negara berusaha untuk menarik kedatangan pelancong.

"Kita tidak akan mengenakan had visa ke atas mana-mana negara kerana kita berpendapat ia bodoh, ia tidak berkesan, menyusahkan. Kita tidak mahu mengganggu orang yang ingin datang ke Malaysia.

"Kita mengalu-alukan orang datang ke Malaysia," katanya selepas merasmikan persidangan Ekonomi Malaysia-China di sini, hari ini.

Beliau menjawab soalan wartawan agensi berita asing sama ada Malaysia akan bertindak balas terhadap tindakan terbaru Amerika Syarikat (AS) dan Kanada yang mengenakan prosedur imigresen ketat ke atas rakyat beberapa negara, termasuk Malaysia.

Mulai 1 Oktober lalu, Amerika Syarikat mahu mendaftar dan mengawasi rakyat asing yang pernah melawat Malaysia dan Indonesia di setiap laluan masuk ke negara itu.

Kanada pula mulai 24 September lalu mengumumkan peraturan visa bagi rakyat Malaysia yang ingin memasuki negara itu.

Ottawa yang menerima tekanan AS supaya mengetatkan lagi keselamatannya berikutan serangan 11 September, sebelum ini mengenakan syarat serupa kepada pelawat dari Arab Saudi.

Sebelum ini, Dr Mahathir menyifatkan peraturan baru imigresen yang dikuatkuasakan Amerika Syarikat dan Kanada terhadap negara Islam termasuk Malaysia itu sebagai tidak adil dan berunsur diskriminasi.

Terdahulu ketika menjawab soalan peserta pada majlis dialog selepas menyampaikan ucapan, Perdana Menteri berkata kerajaan sudah melonggarkan beberapa peraturan berkaitan visa dan lawatan secara berkumpulan seperti membenarkan orang perseorangan dari China melawat negara ini.

Satu ketika dulu, Malaysia hanya membenarkan pelancong China datang ke negara ini secara berkumpulan.

"Malah, kita juga memberi kemudahan `Visa Kemasukan Pelbagai' kepada rakyat China untuk melawat kawasan tertentu, tapi bukan semua tempat," katanya.

Dr Mahathir juga berkata pasaran domestik serta bekalan buruh yang besar di China perlu dimanfaatkan oleh perusahaan Malaysia yang mahu meneroka pasaran luar negara dan mendapatkan kemudahan pengeluaran.

Katanya, cara yang lebih mudah dan berkesan adalah berada dekat pasaran dengan membuka pusat pengeluaran di China menerusi aktiviti pengeluaran dan usaha pemasaran bersama untuk bertapak kukuh dalam pasaran domestik.

Beliau berkata, peniaga Malaysia mempunyai kelebihan memahami bahasa dan budaya China dan kelebihan itu perlu digunakan dengan berkesan dalam mempermudah hubungan perniagaan antara kedua-dua negara.